

Privacy notice information for informants

The protection of your privacy rights during the processing of personal data is a top priority for Bayerische Motoren Werke Aktiengesellschaft ("BMW AG"). We process personal data in compliance with the provisions of the EU General Data Protection Regulation ("GDPR") and in accordance with national statutory provisions.

The following provides information on how your personal data as an informant is processed. You can find further information on processing of personal data at BMW Group at:

https://www.bmwgroup.com/en/general/data_privacy.html

1. Who is responsible for data processing and how can the Data Protection Officer be contacted?

Bayerische Motoren Werke Aktiengesellschaft, Petuelring 130, 80788 Munich, Germany, domicile and court of registry: Munich HRB 42243, is responsible for accepting, reviewing, and investigating reports of compliance concerns and jointly responsible with other BMW Group affiliated companies for clarifying violations of rules within the meaning of Article 26 GDPR.

You can contact our Data Protection Officer at the above address or at:

datenschutz@bmw.de

2. Which data from you do we process and for what purpose?

BMW AG processes your data for the following purposes:

Reviewing and processing your report and conducting any necessary investigations into the person(s) accused; where applicable, communicating with the authorities and courts in connection with your report; communicating with international attorneys and auditors or other investigators engaged by the company; communicating with other BMW Group companies and their affiliated companies.

No obligation to provide your personal data

You may report compliance concerns without sharing your personal data (anonymous report) and are under no obligation to provide your personal data.

Types of data

When you submit a report, we collect the following personal data and information:

- your name and/or private contact and identification data, should you choose to disclose your identity (non-anonymous report),
- your work contact and (work) organization data, if disclosed by you (non-anonymous report), and,
- where applicable, the names and other personal data of the persons named in your report.

Legal basis

Case-specific processing of your personal data is justified by the following legal basis:

- Collection of your personal data in connection with a non-anonymous report: consent to the processing of personal data for the purposes referred to above. If you voluntarily provide your personal data by submitting a non-anonymous report, we will process your information solely for the purpose of processing your report under Article 6 (1) LIT. C), F) of the GDPR.
- Collection, processing, and disclosure of the personal data of the persons mentioned in your report: to safeguard the legitimate interests of the person concerned or of a third party (Article 6 (1) LIT. C) GDPR), to fulfil a legal obligation (Article 6 (1) LIT. C) GDPR). BMW AG has a legitimate interest to identify, process, rectify, and sanction violations of the law and severe breaches of duty by employees company-wide. This must be done in an effective manner with a high level of confidentiality to avert damage and liability risks for the BMW Group pursuant to sections 30 and 130 of the German Act on Regulatory Offenses (OWiG).

BMW AG is also required to establish a complaints procedure in accordance with section 8 of the German Supply Chain Due Diligence Act (LkSG). Point 4.1.3. of the German Corporate Governance Code also requires that a system for reporting compliance concerns be established to give employees and third parties the opportunity to submit reports of infringements within the company safely and in an adequate manner.

- Disclosure of your personal data from a non-anonymous report to other recipients, such as to authorities during the course of official proceedings: Your data is shared where there is a legal obligation to do so (Article 6 (1) LIT. C), F) GDPR).

3. How long do we store your data?

We store your personal data only as long as it is required for the purposes of the investigation and subsequent assessment, and, also, for as long as we are obliged to store it under country-specific legal, contractual, or statutory retention periods.

Once the report has been processed, the data will be deleted or anonymized in accordance with country-specific legal requirements. In the case of anonymization, the reference to your identity as an informant is permanently and irreversibly removed.

4. How do we store your data?

We utilise state-of-the-art technology to store your data. The following safeguards are used, for example, to protect your personal data from misuse or any other form of unauthorized processing:

- Access to personal data is restricted to a limited number of authorized persons for the stated purpose.
- The data collected is only transmitted in encrypted form.
- Sensitive data is also only stored in encrypted form.
- The IT systems used for processing data are technically isolated from other systems, to prevent unauthorized access and hacking.
- Access to these IT systems is constantly monitored to detect and prevent misuse in the early stages.

5. Whom do we share data with?

The BMW Group is a global organization. Personal data is stored and processed by employees, National Sales and Financial Service Companies, the BMW Group partners and service providers engaged by us, preferably within the European Union. In certain cases, your personal data may also be transmitted to other recipients: In substantiated individual cases, it may be necessary, for the purpose of processing a report or as part of an internal investigation, to share information with other employees of BMW AG or other companies affiliated with BMW AG, e.g. if the report relates to incidents at BMW AG subsidiaries. If required by the investigation, information may be shared with BMW AG subsidiaries in a country outside the European Union or the European Economic Area, based on appropriate data privacy guarantees designed to protect data subjects (e.g. EU standard data protection clauses, for employee data Binding Corporate Rules under Article 47 GDPR or exceptions under Article 49 GDPR). We always ensure compliance with the relevant data protection provisions relating to the disclosure of information.

If there is a corresponding legal obligation or if BMW AG or a third party has a legitimate interest in investigating the report, further recipients may include law enforcement agencies, antitrust authorities, other administrative authorities and courts, as well as international attorneys and auditors engaged by BMW AG or any other company affiliated with BMW AG.

In certain cases, BMW AG is obliged by data protection legislation to inform the accused of the allegations made against them. This is a statutory requirement in cases where it can be objectively established that the disclosure of information to the accused can no longer have an adverse effect on the investigation in question. If you provided us with your name or other personal data (by making a non-anonymous report), your identity as an informant will not be disclosed, as far as legally possible, and steps will also be taken to ensure your identity as an informant cannot be traced.

6. Rights of the data subject

As the party affected by the processing of your data, you may claim certain rights under the GDPR and other relevant data protection regulations. Under the GDPR, you are entitled as the data subject to claim the following rights vis-à-vis BMW AG:

- Right of access by the data subject (Art. 15 GDPR)
- Right to rectification (Art. 16 GDPR)
- Right to erasure (Art. 17 GDPR)
- Right to restriction of processing (Art. 18 GDPR)
- Right to data portability (Art. 20 GDPR)

Right to object (Art. 21 GDPR): You have the right to object to the processing of your data at any time for reasons that arise from your particular situation, provided data processing is on the basis of your consent, on our legitimate interests or those of a third party. In this case, we will cease to process your data. This does not apply if we can show that there are compelling legitimate grounds for processing that outweigh your interests, or if we need your data for the establishment, exercise, or defense of legal claims.

In the event of data privacy violation, you have the right as a data subject to lodge a complaint with your local supervisory authority.

To revoke your consent (in the case of a non-anonymous report) or to exercise your rights regarding your personal data, please contact

notifications@bmwgroup.com.

You can find more detailed information on your data protection rights at:

https://www.bmwgroup.com/en/general/data_privacy.html.

7. Contact for your data subject rights

For questions relating to the use of your personal data as informant, please contact notifications@bmwgroup.com.

You can also contact the BMW AG Data Protection Officer: Data Protection Officer, BMW AG, Petuelring 130, 80788 Munich, Germany, datenschutz@bmw.de.

BMW AG takes your concerns and rights very seriously. However, if you believe that we have not responded in an appropriate manner to your complaints or concerns, you have the right to lodge a complaint with your local data protection supervisory authority.

Updated: December 2022

Maklumat notis privasi bagi pemberi maklumat

Perlindungan hak privasi anda semasa pemprosesan data peribadi adalah keutamaan bagi Bayerische Motoren Werke Aktiengesellschaft ("BMW AG"). Kami memproses data peribadi dengan mematuhi peruntukan Peraturan Perlindungan Data Am Kesatuan Eropah ('EU General Data Protection Regulation') ("GDPR") dan selaras dengan peruntukan undang-undang negara.

Di bawah adalah maklumat berkenaan dengan cara data peribadi anda sebagai seorang pemberi maklumat diproses. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai pemprosesan data peribadi di Kumpulan BMW di: https://www.bmwgroup.com/en/general/data_privacy.html

1. Siapakah yang bertanggungjawab untuk pemprosesan data dan bagaimanakah Pegawai Perlindungan Data boleh dihubungi?

Bayerische Motoren Werke Aktiengesellschaft, Petuelring 130, 80788 Munich, Jerman, domisil dan mahkamah pendaftaran: Munich HRB 42243, adalah bertanggungjawab untuk menerima, menyemak, dan menyiasat laporan kebimbangan pematuhan dan bertanggungjawab bersama-sama dengan syarikat bergabung Kumpulan BMW yang lain untuk memberi penjelasan mengenai pelanggaran peraturan dalam maksud Perkara 26 GDPR.

Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami di alamat di atas atau di: datenschutz@bmw.de

2. Apakah data daripada anda yang diproses oleh kami dan untuk tujuan apa?

BMW AG memproses data anda untuk tujuan berikut:

Menyemak dan memproses laporan anda dan menjalankan sebarang penyiasatan mengenai orang yang dituduh; jika berkenaan, berkomunikasi dengan pihak berkuasa dan mahkamah berkaitan dengan laporan anda; berkomunikasi dengan peguam dan juruaudit antarabangsa atau penyiasat lain yang dilantik oleh syarikat; berkomunikasi dengan syarikat Kumpulan BMW lain dan syarikat bergabung mereka.

Tiada obligasi untuk memberikan data peribadi anda

Anda boleh melaporkan kebimbangan pematuhan tanpa berkongsi data peribadi anda (laporan tanpa nama) dan tidak berobligasi untuk memberikan data peribadi anda.

Jenis data

Apabila anda menyerahkan suatu laporan, kami mengumpul data dan maklumat peribadi berikut:

- nama dan/atau data hubungan peribadi dan pengenalan peribadi anda, sekiranya anda memilih untuk mendedahkan identiti anda (laporan bukan tanpa nama),
- data hubungan kerja dan organisasi (kerja) anda, sekiranya didedahkan oleh anda (laporan bukan tanpa nama), dan,
- jika berkenaan, nama dan data peribadi lain orang yang dinamakan dalam laporan anda.

Asas undang-undang

Pemprosesan khusus data peribadi anda adalah dibenarkan berdasarkan asas undang-undang berikut:

- Pengumpulan data peribadi anda berkaitan dengan laporan bukan tanpa nama: persetujuan bagi pemprosesan data peribadi untuk tujuan yang dirujuk di atas. Sekiranya anda secara sukarela memberikan data peribadi anda dengan menyerahkan laporan bukan tanpa nama, kami akan memproses maklumat anda hanya untuk tujuan memproses laporan anda di bawah Perkara 6 (1) LIT. C), F) GDPR.
- Pengumpulan, pemprosesan dan pendedahan data peribadi orang yang dinamakan dalam laporan anda: untuk melindungi kepentingan sah orang berkenaan atau seorang pihak ketiga (Perkara 6 (1) LIT. C) GDPR), untuk memenuhi kewajipan undang-undang (Perkara 6 (1) LIT. C) GDPR). BMW AG mempunyai kepentingan sah untuk mengenal pasti, memproses, membetulkan, dan memberi sanksi pelanggaran undang-undang dan pelanggaran kewajipan yang serius oleh pekerja di seluruh syarikat. Ini mesti dilakukan dengan cara yang berkesan dengan tahap kerahsiaan yang tinggi untuk mengelakkan kerosakan dan risiko liabiliti bagi Kumpulan BMW menurut seksyen 30 dan 130 Akta Jerman Kesalahan Kawal Selia ('German Act on Regulatory Offenses') (OWiG).

BMW AG juga dikehendaki menubuhkan suatu prosedur aduan selaras dengan seksyen 8 Akta Usaha Wajar Rangkaian Bekalan Jerman ('German Supply Chain Due Diligence Act') (LkSG). Perkara 4.1.3. Jerman Kod Tadbir Urus juga memerlukan suatu sistem untuk melaporkan kebimbangan pematuhan ditubuhkan bagi memberi pekerja dan pihak ketiga peluang untuk menyerahkan laporan pelanggaran dalam syarikat dengan cara yang selamat dan mencukupi.

- Pendedahan data peribadi anda daripada suatu laporan bukan tanpa nama kepada penerima lain, seperti kepada pihak berkuasa semasa prosiding rasmi: Data anda akan dikongsi di mana terdapat kewajipan undang-undang untuk berbuat demikian (Perkara 6 (1) LIT. C) , F) GDPR).

3. Berapa lamakah kami menyimpan data anda?

Kami menyimpan data peribadi anda hanya sepanjang ia diperlukan untuk tujuan penyiasatan dan penilaian seterusnya, dan juga selagi kami diwajibkan untuk menyimpannya berdasarkan tempoh pengekalan undang-undang, kontraktual atau berkanun khusus negara tersebut.

Setelah laporan tersebut telah diproses, data akan dipadamkan atau dianonimkan selaras dengan keperluan undang-undang khusus negara tersebut. Dalam kes anonimasi, rujukan kepada identiti anda sebagai pemberi maklumat akan dipadamkan secara kekal dan tidak dapat dipulihkan.

4. Bagaimanakah kami menyimpan data anda?

Kami menggunakan teknologi terkini untuk menyimpan data anda. Perlindungan berikut digunakan, sebagai contoh, untuk melindungi data peribadi anda daripada penyalahgunaan atau sebarang bentuk pemprosesan tanpa kebenaran:

- Akses kepada data peribadi adalah terhad kepada sebilangan orang yang diberi kuasa untuk tujuan yang dinyatakan.
- Data yang dikumpul hanya dihantar dalam bentuk yang disulitkan.
- Data sensitif juga hanya disimpan dalam bentuk yang disulitkan.
- Sistem IT yang digunakan untuk memproses data adalah secara teknikal diasingkan daripada sistem lain, untuk mengelakkan akses tanpa kebenaran dan penggodaman.
- Akses kepada sistem IT ini sentiasa dipantau untuk mengesan dan mencegah penyalahgunaan pada peringkat awal.

5. Dengan siapakah kami berkongsi data?

Kumpulan BMW adalah sebuah organisasi global. Data peribadi adalah disimpan dan diproses oleh pekerja, Syarikat Nasional Jualan dan Perkhidmatan Kewangan, rakan kongsi Kumpulan BMW dan pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh kami, sebaik-baiknya dalam Kesatuan Eropah. Dalam kes tertentu, data peribadi anda juga mungkin dihantar kepada penerima lain: Dalam kes individu yang berasas, ia adalah berkemungkinan perlu, bagi tujuan memproses suatu laporan atau sebagai sebahagian daripada penyiasatan dalaman, untuk berkongsi maklumat dengan pekerja lain BMW AG atau syarikat bergabung BMW AG, contohnya sekiranya laporan tersebut berkaitan dengan kejadian di anak syarikat BMW AG. Sekiranya penyiasatan memerlukan, maklumat boleh dikongsi dengan anak syarikat BMW AG di negara yang berada di luar Kesatuan Eropah atau Kawasan Ekonomi Eropah, berdasarkan jaminan privasi data yang sesuai yang mana direka bentuk untuk melindungi subjek data (contohnya klausa perlindungan data standard EU untuk data pekerja Peraturan Korporat Terikat ('Binding Corporate Rules') di bawah Perkara 47 GDPR atau pengecualian di bawah Perkara 49 GDPR). Kami sentiasa memastikan pematuhan dengan peruntukan perlindungan data yang berkenaan berkaitan dengan pendedahan maklumat.

Sekiranya terdapat kewajipan undang-undang yang sepadan atau sekiranya BMW AG atau suatu pihak ketiga mempunyai kepentingan sah dalam menyiasat laporan tersebut, penerima selanjutnya mungkin termasuk agensi penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa antitrust, pihak berkuasa pentadbiran lain dan mahkamah, serta peguam dan juruaudit antarabangsa yang dilantik oleh BMW AG atau mana-mana syarikat bergabung lain dengan BMW AG.

Dalam kes tertentu, BMW AG adalah diwajibkan oleh undang-undang perlindungan data untuk memaklumkan tertuduh berkenaan dengan dakwaan yang dibuat terhadap mereka. Ini adalah keperluan berkanun dalam kes di mana ia boleh dipastikan secara objektif bahawa pendedahan maklumat kepada tertuduh tidak lagi boleh memberi kesan buruk kepada penyiasatan tersebut. Jika anda memberikan kami nama anda atau data peribadi lain (dalam membuat laporan tanpa nama), identiti anda sebagai pemberi maklumat tidak akan didedahkan, seboleh-bolehnya di sisi undang-undang, dan langkah juga akan diambil untuk memastikan identiti anda sebagai pemberi maklumat tidak dapat dikesan.

6. Hak subjek data

Sebagai pihak yang terjejas oleh pemprosesan data anda, anda boleh menuntut hak tertentu di bawah GDPR dan peraturan perlindungan data lain yang berkaitan. Di bawah GDPR, anda berhak sebagai subjek data untuk menuntut hak berikut daripada BMW AG:

- Hak akses oleh subjek data (Perkara 15 GDPR)
- Hak untuk pembetulan (Perkara 16 GDPR)
- Hak untuk pemadaman (Perkara 17 GDPR)
- Hak untuk sekatan pemprosesan (Perkara 18 GDPR)
- Hak untuk mudah alih data (Perkara 20 GDPR)

Hak untuk membantah (Perkara 21 GDPR): Anda mempunyai hak untuk membantah pemprosesan data anda pada bila-bila masa atas sebab yang timbul daripada situasi tertentu anda, dengan syarat bahawa pemprosesan data tersebut adalah berdasarkan persetujuan anda, atas kepentingan sah kami atau pihak ketiga. Dalam kes ini, kami akan berhenti memproses data anda. Ini tidak terpakai sekiranya kami boleh menunjukkan bahawa terdapat alasan sah yang kuat untuk pemprosesan yang melebihi kepentingan anda, atau sekiranya kami memerlukan data anda untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang.

Sekiranya berlaku pelanggaran privasi data, anda mempunyai hak sebagai subjek data untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan tempatan anda.

Untuk membatalkan persetujuan anda (dalam kes laporan bukan tanpa nama) atau untuk melaksanakan hak anda berkenaan dengan data peribadi anda, sila hubungi notifications@bmwgroup.com.

Anda boleh mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai hak perlindungan data anda di: https://www.bmwgroup.com/en/general/data_privacy.html.

7. Hubungi kami untuk hak subjek data anda

Untuk soalan yang berkaitan dengan penggunaan data peribadi anda sebagai pemberi maklumat, sila hubungi notifications@bmwgroup.com.

Anda juga boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data BMW AG: Pegawai Perlindungan Data, BMW AG, Petuelring 130, 80788 Munich, Jerman, datenschutz@bmw.de.

BMW AG memandang serius kebimbangan dan hak anda. Walau bagaimanapun, sekiranya anda percaya bahawa kami tidak bertindak balas dengan cara yang sesuai kepada aduan atau kebimbangan anda, anda mempunyai hak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data tempatan anda.

Kemas kini: Disember 2022